



PEMBERITAHUAN PENTING

MULAI 1 OGOS 2018, HANYA PEMEGANG LESEN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS) YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN TENAGA KERJA SEM. MALAYSIA (JTKSM) DIBENARKAN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI MEREKRUT PEMBANTU RUMAH ASING (LESEN B/C) DAN PEKERJA ASING (LESEN C SAHAJA) DI BAHAGIAN PEMBANTU RUMAH ASING DAN BAHAGIAN PEKERJA ASING JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM).

PENGGUNAAN SIJIL PENDAFTARAN UNTUK MENJALANKAN URUSAN AGENSI PEMBANTU RUMAH ASING YANG DIKELUARKAN OLEH JIM KEPADA PEMEGANG LESEN APS BAGI MENJALANKAN AKTIVITI MEREKRUT PEMBANTU RUMAH ASING HANYA SAH SEHINGGA 31 JULAI 2018.

SILA AMBIL PERHATIAN

BAHAWA MANA-MANA ORANG YANG MENJALANKAN AKTIVITI MEREKRUT TANPA LESEN YANG SAH ADALAH MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 7(2) AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 (PINDAAN) 2017 DAN JIKA SABIT KESALAHAN BOLEH DIDENDA TIDAK MELEBIHI DUA RATUS RIBU RINGGIT ATAU PENJARA SELAMA TEMPOH TIDAK MELEBIHI TIGA TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA.

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI UNIT AGENSI PEKERJAAN SWASTA, JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA, PUTRAJAYA DI TALIAN 03-88865192 ATAU MANA-MANA JABATAN TENAGA KERJA TERDEKAT.

KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA KERJA SEM. MALAYSIA
PUTRAJAYA
5 JULAI 2018